

BENTUK JATI DIRI AHLI PENGAKAP UNISSA

Oleh Sim Y. H.



Gambar ramai semasa acara yang diadakan di OBBB, Kem Batang Duri, Daerah Temburong baru-baru ini. - Gambar serahan Pengakap Kelana UNISSA

BANDAR SERI BEGAWAN, 29 DIS – Seramai 18 orang ahli Pasukan Pengakap Kelana 1102 Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) telah mengikuti kursus kepimpinan jati diri, Kursus Sekapur Sireh dan Istiadat Melantik Ahli Pengakap Kelana baharu yang diadakan di Outward Bound Brunei Darussalam (OBBB), Kem Batang Duri, Daerah Temburong, baru-baru ini.

Program Kursus Sekapur Sireh yang ber-

Media Permata

Sejak 1995

Jilid: MP25/157 • Jumaat, 30 Disember 2022 / 6 Jamadilakhir 1444H • B\$1.50 • Harian Unggul Brunei Darussalam

langsung selama tiga hari dua malam itu dikendalikan oleh pihak OBBB dengan hasrat untuk membentuk sifat-sifat kecekalan dan ketahanan diri serta mental ahli-ahli Pengakap Kelana UNISSA dalam menghadapi sebarang cabaran yang di luar kebiasaan mereka.

Ia juga bermatlamat untuk melahirkan ahli-ahli pengakap yang berkualiti dan memiliki kekuatan mental dan fizikal bagi menempuhi segala cabaran fizikal serta dibimbing supaya boleh melakukan kerja-kerja amal dan kemasyarakatan agar mereka menjadi insan yang berakhlak mulia dalam melahirkan masyarakat yang harmoni juga merupakan generasi harapan bangsa yang bakal menerajui negara pada masa akan datang.

Semasa kursus berkenaan ahli-ahli Pengakap Kelana UNISSA telah mengikuti sesi perbincangan dan pembentangan dalam gerak kerja kumpulan kecil serta pemantapan kemahiran dalam membina keyakinan diri menghadapi cabaran.

Ini termasuk taklimat pertolongan cemas, aktiviti keyakinan ketika berada di dalam air, *flying fox*, pembelajaran asas membaca kompas dan peta, merentas hutan dari Kem Batang Duri menuju ke Kem Semut sejauh 4.5km dan berkayak sejauh 7km di Sungai Temburong menuju semula ke Kem Batang Duri.

Manakala itu, bersempena dengan sambutan Hari Bertindak Kesukarelawanan, ahli-ahli pengakap turut menjalankan kerja-kerja khidmat bakti siswa melalui kegiatan kemasyarakatan di OBBB dengan aktiviti membersihkan kawasan berkenaan.

Di akhir kursus, ahli-ahli baharu telah menjalani proses mengenal diri sebelum dilantik secara rasminya sebagai ahli Pengakap Kelana dalam satu proses VIGIL dan majlis Istiadat Melantik Ahli Pengakap Kelana ke-6.

Semasa kursus berkenaan, ahli-ahli pengakap telah diiringi oleh jurulatih Pasukan Pengakap Kelana 1102 UNISSA iaitu Awang Zainudin bin Haji Ishak, Haji Junaidi bin Haji Hussin dan Haji Othman bin Durani di mana mereka turut mengendalikan Istiadat VIGIL dan Istiadat Melantik Ahli Pengakap Kelana UNISSA yang baharu.